

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan pendirian Kerajaan sebagai ahli dalam konsortium International Rubber Consortium (IRCo) untuk menangani kejatuhan harga getah dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC bertujuan mengkoordinasi tindakan di kalangan ketiga-tiga negara bagi memperkukuhkan harga getah.

Kerjasama di bawah ITRC bagi memperkukuhkan harga adalah dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu; *Supply Management Scheme* (SMS), *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) dan *Strategic Market Operation* (SMO). Bagi melaksanakan kaedah-kaedah ini, negara-negara ITRC telah menubuhkan *International Rubber Consortium* (IRCo) yang telah didaftarkan sebagai syarikat pada 28 April 2004. IRCo berfungsi sebagai sekretariat dan badan koordinasi kepada aktiviti-aktiviti ITRC.

Tuan Yang Dipertua,

Kerjasama di bawah ITRC telah membolehkan ketiga-tiga negara menangani kejatuhan harga pada masa-masa tertentu. Umpamanya, ketiga-tiga negara telah bersetuju mengurangkan eksport sebanyak 300,000 tan getah asli di bawah AETS bagi tempoh Oktober 2012 sehingga Mac 2013 yang telah memberi impak positif kepada harga getah asli. Dalam hal ini, harga getah asli pada bulan September 2012

adalah RM8.29/Kg dan sepanjang pelaksanaan AETS, harga getah asli berada di paras purata tidak kurang dari RM9.00/Kg.

Pada tahun 2014, pengurangan eksport getah melalui mekanisme AETS oleh ketiga-tiga negara tidak dapat dilaksanakan memandangkan terdapat stok yang tinggi, iaitu hampir 800,000 tan. Sekiranya AETS dilaksanakan pada tahun ini, ianya memerlukan komitmen kewangan yang tinggi dari ketiga-tiga negara.

Bagaimanapun, Malaysia akan terus bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah ITRC untuk memperkukuhkan harga getah dalam jangka masa panjang. Ini termasuk kerjasama teknikal dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan getah dan penubuhan pasaran serantau bagi mengurangkan spekulasi harga getah asli.

Sekian, terima kasih.